



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NICE 2025 PEMACU AGENDA INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN NEGARA

Platform strategik bakal memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai ekonomi berasaskan inovasi

PUTRAJAYA, 19 SEPTEMBER 2025 — Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama agensi pelaksana, Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), akan menganjurkan **Ekspo Inovasi dan Pengkomersialan Negara (NICE) 2025 pada 6 hingga 9 Oktober 2025 bertempat di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur.**

Bertemakan *“Innovation. Growth. Global Impact”*, acara ini merupakan platform utama negara untuk mempamerkan, memperkasa, dan menterjemahkan inovasi tempatan agar mampu menembusi pasaran antarabangsa.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, akan menyempurnakan NICE 2025, satu platform nasional yang menyatukan penyelidik, usahawan, peneraju industri, pelabur, pegawai pemindahan teknologi (TTD), penggubal dasar, ahli akademik dan belia bagi membina jaringan strategik, mengukuhkan kerjasama dan mengembangkan inovasi Malaysia ke pasaran global.

Dahulunya dikenali sebagai Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit), inisiatif ini diperkenalkan pada tahun 2016 bagi menyokong penyelidik, inovator dan usahawan tempatan mempercepatkan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sejak pelaksanaannya, MCY telah berjaya membantu mengkomersialkan **622 inovasi** dengan penjanaan pendapatan melebihi **RM849 juta**.

Penganjuran MCY 2024 telah mencatatkan impak yang membanggakan dengan penyertaan lebih 8,000 peserta serta penciptaan nilai perniagaan melebihi RM61.46 juta melalui pemeteraian pelbagai MoU dan MoA.

Bagi tahun 2025, MCY telah diberi jenama baharu sebagai NICE 2025, mencerminkan aspirasi MOSTI untuk melonjakkan ekosistem inovasi negara ke tahap lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. NICE 2025 akan menampilkan empat program utama MOSTI dan agensi-agensinya, iaitu MCY, I-Nation Global Summit, MTDC Technology Conference & Exhibition (MTCE) dan NBioShowcase, sekali gus memperkuatkan usaha kementerian dalam membangunkan ekosistem inovasi yang mampan dan inklusif.

Acara ini dijangka menghimpunkan lebih 12,000 peserta dan 150 reruai pameran. Pendaftaran kini dibuka di nice.mosti.gov.my

#TAMAT#

Diterbitkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
19 SEPTEMBER 2025**

